

23 SEP 2003

Mahathir-Hubungan

KL KOMITED TINGKAT HUBUNGAN DENGAN STOCKHOLM, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kuala Lumpur komited untuk meningkatkan hubungannya dengan Stockholm.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sweden, berkata hubungan dua hala antara Malaysia dan Sweden telah berkembang sejak sekian lama.

Berucap pada jamuan tengah hari oleh Perdana Menteri Sweden Goran Persson di kediaman rasminya di sini, Dr Mahathir berkata bidang pelancongan merupakan bidang yang boleh dimajukan dalam hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Hubungan rakyat dengan rakyat melalui pelancongan adalah aspek penting menggalakkan pemahaman seterusnya antara rakyat kedua-dua negara. Kami gembira bahawa Malaysia terus menjadi destinasi pelancong Sweden," kata Perdana Menteri.

"Pelawat ke Malaysia tidak sepatutnya bimbang dengan insiden negatif di negara-negara Asia Tenggara lain. Kami memberi jaminan Malaysia adalah selamat bagi pelancong," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengetuai delegasi Malaysia mengadakan rundingan dua hala dengan rakan sejawat di pejabat Perdana Menteri Sweden.

Dr Mahathir memberitahu majlis makan tengah hari itu bahawa kedua-dua pihak dalam rundingan itu telah mengadakan pertukaran pendapat yang bernas "mengenai keadaan hubungan dua hala kita di mana kita mengesahkan keinginan untuk memperluaskan kerjasama antara kedua-dua buah negara."

Dr Mahathir melahirkan rasa gembira bahawa perbincangan itu sangat membina dan kedua-dua buah negara berkongsi banyak perkara, khususnya wujudnya potensi yang besar untuk memajukan skop dan asas hubungan itu.

Malaysia dan Sweden telah bekerja rapat bersama pada peringkat dua hala dan serantau dan dalam pelbagai forum antarabangsa, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri menyatakan Sweden merupakan antara negara Eropah yang paling berjaya telah mendapat pengesahan dunia bagi pencapaiannya dalam banyak bidang seperti teknologi maklumat (IT), bioteknologi, muzik dan sukan.

"Saya percaya ada potensi yang besar bagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang bioteknologi dan IT. Kepelbagaianbio Malaysia yang besar sepatutnya menarik bagi institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) Sweden...Malaysia mengalu-alukan penyertaan mereka," katanya.

"Pertukaran lawatan di pelbagai peringkat telah mengukuhkan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara.

"Lawatan negara oleh King XVI Carl Gustaf dan Queen Silvia ke Malaysia pada bulan Mac 1996 telah membawa kepada perasaan muhibah dan persefahaman antara kedua-dua buah negara.

"Malaysia sangat menghargai penerimaan Sweden terhadap lawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke Sweden yang dijadualkan pada 2005," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

JS HS RM AHM MOZ